

12 DEC 2002

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI TOKYO UNTUK LAWATAN RASMI

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini untuk lawatan rasmi dua hari ke Jepun.

Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba dengan pesawat komersil di Lapangan Terbang Narita pada pukul 7 pagi waktu tempatan (6 pagi waktu Malaysia) dengan beliau disambut oleh Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammad Noor, para pegawai kedutaan dan duta Jepun ke Malaysia, Masaki Konishi.

Lawatan itu adalah atas jemputan Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi dan ia merupakan lawatan kali kedua bagi Dr Mahathir ke negara itu pada tahun ini dengan lawatan sebelum ini pada Mei lepas. Lawatan kali ini ialah untuk meraikan ulang tahun ke 20 Dasar Pandang Ke Timur.

Dr Mahathir dan rombongan dibawa dengan kereta ke Imperial Hotel di pusat bandar Tokyo di mana beliau akan menginap hingga Jumaat ini. Turut menunggu kedatangan Perdana Menteri di hotel berkenaan ialah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Jamaluddin Damanhuri

Dr Mahathir yang mempunyai jadual lawatan yang sibuk, memulakan program lawatan dengan menerima kunjungan hormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Jepun Takeo Hiranuma.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah kemudian mengadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko di `Imperial Palace'.

Kemudian, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Nikkei, Takuhiko Tsuruta, di Hotel Okura.

Dr Mahathir juga menerima kunjungan singkat Pengerusi Matsushita Electrical Industrial Co. Ltd., Datuk Yoichi Morishita.

Perdana Menteri kemudian akan menyampaikan ucapan di seminar Dasar Pandang Ke Timur dan mengadakan satu sesi soal jawab bersama para peserta seminar.

Dr Mahathir kemudian akan mengunjungi Koizumi di Sori Kantei, Pejabat Perdana Menteri Jepun, di mana kedua-dua pemimpin itu dijangka menyentuh isu-isu kepentingan bersama, hubungan dua hala serta hal-hal ekonomi dan serantau.

Pada sebelah petang, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam rasmi yang dianjurkan oleh Menteri Luar Jepun Yoriko Kawaguchi di rumah tetamu kerajaan, Iikura Guest House.

-- BERNAMA

HS MFJ PR